

Dasar keterbukaan PM nampak kesan positif

Um- 8/3/2006

DASAR keterbukaan kerajaan sudah menampakkan kesan. Positifnya semua pihak dapat berani bersuara dan bebas berkongsi pendapat.

Negatifnya apabila ia membawa kepada perpecahan dan perbalahan.

Perbezaan pendapat antara rakyat dan kerajaan dalam beberapa isu seperti Proton, AP dan jambatan bengkak merupakan antara contoh keterbukaan pendapat yang baik dan sihat.

Meriahnya dasar ini turut beberapa kali menyebabkan kekaburan perbezaan antara ahli Parlimen kerajaan atau pembangkang.

Sebagai contoh ada ahli Parlimen yang nyaris dikenakan hukuman kerana dikatakan menyokong usul pembangkang. Malahan ada ahli Parlimen yang meletak jawatan tertentu apabila usul dan pendapatnya

tidak dipersetujui.

Baiknya semua ini membolehkan semua orang menilai sendiri kekuatan dan kelemahan hujah-hujah yang dikemukakan. Kalah, menang, benar dan salah soal lain.

Banyak pihak tidak senang dikritik. Sudah ada yang tidak tertahan bahangnya. Malahan ada yang secara terbuka menyuruh pihak yang 'bersetuju untuk tidak ber-setuju' supaya menutup mulutnya dan berdiam diri.

Paling tidak pun supaya berlapis apabila mengkritik sehinggakan ia mesti nampak seperti memuji. Pihak ini barangkali hanya mahu pujian.

Bagaimanapun, saya percaya ramai rakyat Malaysia yang bersetuju agar dasar seperti ini diteruskan. Semoga ia pada akhirnya akan menjadi budaya rakyat Malaysia.

Tindakan tegas berlandaskan kuasa, pengaruh dan kedudukan seseorang untuk mematikan dan menidakan pendapat orang lain tidak akan kekal lama. Hidup ibarat roda.

Yang pernah berada di atas pasti dapat merasakan apa yang dirasai mereka di bawah yang pernah dinafikan hak untuk bersuara.

Mereka yang selalunya datang dengan hujah terbukti benar dan kukuh mestilah terus dibenar dan digalak bersuara. Malanglah jika golongan ini diabaikan.

Kita mesti pertahankan apa yang kita percaya dan juga bersedia berlapang dada mengakui kesilapan apabila kita terbukti silap.

Sungguh mulia peribadi mereka yang berkata bahawa mereka salah apabila me-

reka salah. Tetapi, jika hujah kita terbukti benar daripada hujah pihak lawan yang pintar, maka kitalah 'raja'.

Raja yang baik akan membawa kesejahteraan berpanjangan kepada rakyat. Inilah rahmat dasar keterbukaan kerajaan ini.

Saya pasti ramai yang bersyukur kerana telah dapat melihat dan merasai sendiri nikmatnya hidup di bawah kerajaan Malaysia yang progresif, maju, makmur dan terbuka.

Dasar keterbukaan yang dianjurkan dan diamalkan oleh kerajaan Datuk Seri Abdullah wajar disokong dan diteruskan.

- ASRI SALLEH,
Ampang,
Selangor